

# 3 parti capai kata sepakat

Oleh Idzan Ismail

**KUALA LUMPUR 27 Mac — Berjaya, USNO dan PBS telah mencapai kata sepakat menerima formula damai tajaan UMNO yang boleh membawa kepada upacara menandatangani perjanjian untuk menubuhkan kerajaan campuran di Sabah Sabtu ini.**

Sumber-sumber memberitahu Utusan hari ini perjanjian itu akan ditandatangani di depan Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad oleh Presiden Berjaya, Datuk Haji Mohamad Noer Mansor, Presiden USNO, Tun Datu Mustapha Datu Harun dan Presiden PBS, Datuk Joseph Pairin Kitingan di pejabat Perdana Menteri.

"Dalam siri rundingan yang telah diadakan oleh ketiga-tiga pihak di sini sejak dua hari lalu, sambutan yang diberikan terhadap formula yang dicadangkan oleh Perdana Menteri amat menggalakkan," kata satu sumber.

Sumber-sumber lain, menjelaskan sekiranya perjanjian itu menjadi kenyataan, Perdana Menteri selaku Pengerusi Barisan Nasional akan mengumumkan butir-butir formula itu serta syarat-syarat perjanjian yang perlu dipatuhi oleh ketiga-tiga parti itu untuk memastikan pergolakan politik yang menyebabkan ketegangan di negeri itu tidak berulang lagi.

Adalah dipercayai, PBS, USNO dan Berjaya telah mengadakan satu rundingan dengan Setiausaha Agung Barisan Nasional, Encik Ghafar Baba di satu tempat yang dirahsiakan hari ini untuk memutuskan beberapa perkara berhubung dengan perjanjian itu sebelum upacara berlangsung Sabtu ini.

Semasa ditemui oleh para pemberita di pejabatnya, Encik Ghafar mengesahkan persetujuan telah tercapai antara ketiga-tiga parti utama Sabah itu tetapi enggan menyatakan tarikh sebenarnya upacara menandatangani perjanjian itu.

"Cuma Perdana Menteri akan menetapkan tarikh dan masa bagi upacara itu

**LIHAT MUKA 6**

## Tiga parti capai kata sepakat

yang saya jangka dalam minggu ini," tambahnya.

Katanya, jika tiada per-canggahan pendapat di saat terakhir di kalangan pemimpin ketiga-tiga parti berkenaan, upacara itu akan diadakan di sini dalam masa sehari dua ini untuk menandatangani perjanjian itu.

Datuk Pairin yang di-katakan kurang sihat di-jangka tiba di sini dalam masa sehari dua ini untuk menandatangani perjanjian itu.

"Saya hanya dapat memastikan segala - galanya beres jika semua pihak yang terlibat menandatangani perjanjian itu. Siapa tahu pemimpin ketiga-tiga parti itu mungkin bercakap lain esok,"

jelasnya semasa ditanya adakah beliau optimis tentang persetujuan ketiga-tiga parti itu untuk menerima formula yang dicadangkan.

Encik Ghafar menegaskan beliau tidak nampak sebarang masalah bagi PBS, USNO dan Berjaya duduk semeja menandatangani perjanjian itu oleh kerana ia dicadangkan oleh Perdana Menteri semata-mata untuk kepentingan rakyat Sabah.

Petang ini Setiausaha Suruhanjaya Pilihanraya, Encik Abdul Rashid Abdul Rahman, menemui Encik Ghafar di Kompleks Kewangan yang dipercayai untuk menyelesaikan beberapa perkara teknik berhubung dengan mengada-

kan pilihanraya negeri.

Laporan - laporan akh-bar menyebut kononnya USNO dan Berjaya telah mencadangkan PBS menarik balik perisytiharan pembubaran Dewan Undangan Negeri untuk membolehkan pilihanraya umum negeri diadakan dalam masa 90 hari.

Encik Rashid, semasa diminta mengulas, berkata pihaknya sentiasa bersedia mengadakan pilihanraya itu sebaik sahaja keadaan keselamatan di Sabah kembali seperti biasa.

"Bagaimanapun saya bukan pakar undang - undang untuk menyatakan sama ada pengisytiharan itu boleh ditarik balik setelah ditandatangani oleh Yang Dipertua Negeri," katanya.

Menurut Encik Rashid, sepanjang yang diketahuinya, ini adalah pertama kali syor dibuat untuk menarik balik sesuatu keputusan untuk mengadakan pilihanraya.

Sumber-sumber yang layak dipercayai berkata Perdana Menteri telah diberitahu oleh Peguam Ne-

gara bahawa adalah salah dari segi undang - undang untuk menarik balik sesuatu perisytiharan pilihanraya.

Timbalan Presiden PBS, Encik Mark Koding pula memberitahu para pemberita bahawa PBS mencapai sesuatu yang positif hasil rundingan semalam tetapi enggan menghurai-kan butir-butirnya.

Encik Koding tidak menolak kemungkinan mengadakan rundingan dengan Encik Ghafar dan juga menemui Perdana Menteri menjelang Sabtu ini.

Seorang lagi timbalan presiden parti, Encik Chau Tet On berkata, PBS menyambut baik formula itu atas semangat ingin berbaik-baik tetapi parti itu juga mengutamakan soal prinsip.

"Prinsip kita adalah tetap dengan keputusan mengadakan pilihanraya negeri untuk mendapat mandat baru. Mengikut para peguam kami, adalah salah untuk menarik balik keputusan hendak mengadakan pilihanraya itu," tambahnya.